



# buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
NASKAH PERCUMA

WWW.MPS.GOV.MY

EDISI  
MEI - OGOS 2020  
02/20



## TYDP DILANTIK SEBAGAI PENGARAH EKSEKUTIF LPHS

Majlis Perpisahan TYDP MPS

03



12

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019



Hari Penguatkuasa Ke-38 MPS

15

# DARI MEJA YDP

## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor  
ydp@mps.gov.my

YBhg. Dato' Dr. Juhami B. Ahmad  
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG  
En. Mohamad Zin B. Masoad  
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG  
En. Ahmad Fauzi B. Ishak  
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG  
Cik. Nuratikah Hanim Bt. Mohd Sakri  
nuratikahhanim.msakri@mps.gov.my  
Pn. Norhatikah Nabila Bt. Masri  
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza Bt. Hassan  
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK  
En. Mohd Afzairis B. Naseri  
mafzairis.naseri@mps.gov.my  
En. Muhamad Amirul Hafiz B. Mohamed Jazman  
mamirulhafiz.mjazman@mps.gov.my

JURUFOTO  
Pn. Anissapinah Bt. Mohd Dan  
anissapinah.mohddan@mps.gov.my  
En. Muhamad Khairun B. Roslan  
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH  
Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 Fax: 03 6138 2728  
E-mel: aduanmps@mps.gov.my  
Tollfree: 1800-222-677

### DARI MEJA YDP

#### Assalamualaikum w.b.t. dan Selamat Sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izinNya dapat kita bertemu dalam ruangan ini. Saya mengucapkan tahniah kepada sidang redaksi kerana telah bertungkus lumus menerbitkan Buletin Selayangku Sayang Bilangan 2/2020 meskipun dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

#### Ucapan Terima Kasih Kepada Kerajaan Negeri Selangor Dan Semua Penyumbang Prihatin

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor yang mana telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM10,000 untuk digunakan oleh Ahli-Ahli Majlis semasa tempoh PKP bagi membantu meringankan beban orang awam yang terjejas sepanjang PKP dan PKPB dilaksanakan.

Dalam masa yang sama juga, MPS telah menerima pelbagai sumbangan untuk kegunaan *frontliner* MPS, iaitu berupa barang keperluan, makanan, alat semburan nyah kuman, kelengkapan perlindungan diri (PPE), *hand sanitizer*, pelitup muka dan sebagainya daripada Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Parlimen, DUN, Ahli-Ahli Majlis, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat dan sebagainya.

Bagi saya, semua sumbangan ini adalah sebagai tanda sokongan tuan-tuan dan puan-puan kepada *frontliner* MPS untuk terus komited menjalankan tugas berbakti kepada masyarakat Selayang dalam usaha membanteras pandemik Covid-19 ini. Akhir kata, saya mendoakan kita semua dikurniakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik serta sentiasa menyokong usaha yang diambil oleh kerajaan dalam memerangi wabak Covid-19 dengan mematuhi arahan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.



  
(HAJI SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD NOOR)

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

MAJLIS MERAIKAN PERTUKARAN TUAN TYDP

## TAHNIAH TYDP ATAS PELANTIKAN SEBAGAI PENGARAH EKSEKUTIF LPHS

**YANG** Berbahagia Dato' Dr. Juhari bin Ahmad yang dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) telah diraikan dalam satu majlis perpisahan khas di Lobi, Menara MPS pada 7 Ogos 2020. Majlis ini diadakan sebagai satu tanda penghargaan kepada beliau yang telah berkhidmat selama 38 tahun di MPS.

Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah berjaya membawa MPS ke tahap yang lebih efisien dan produktif di samping memberi motivasi dan pimpinan yang dinamik untuk membawa perubahan yang sesuai di

MPS. Beliau juga telah berjaya membawa MPS melakar beberapa kejayaan yang membanggakan melalui hubungan baik dengan Ahli Majlis dan pengurusan serta kakitangan. Ianya meliputi peningkatan prestasi kewangan, program inovasi, sistem penyampaian perkhidmatan dan integriti kakitangan.

Pada majlis perpisahan tersebut, Tuan YDP dalam ucapannya telah menyatakan bahawa Tuan TYDP adalah seorang *leader* yang prihatin di mana beliau telah memberi inspirasi dan dedikasi kepada seluruh warga

dalam majlis ini ialah YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Kawasan DUN Sungai Tua, Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ketua WHIP MPS, Ahli-Ahli Majlis MPS, para pengarah jabatan dan kakitangan MPS.

Selepas acara sesi penyampaian cenderahati, Tuan TYDP seterusnya melakukan *thumbprint* terakhir dan majlis berakhir dengan acara *send off* oleh kakitangan.



## INOVASI

### PERTANDINGAN TRASH TO TREASURE EKSA MPS 'TRASH TO TREASURE' CUNGKIL BAKAT KREATIF

DALAM usaha MPS menjadikan aktiviti kitar semula sebagai amalan warga MPS, satu pertandingan 'Trash To Treasure' telah dianjurkan oleh EKSA MPS. Melalui pertandingan ini, barang-barang terpakai yang boleh dikitar semula telah direka cipta mengikut kreativiti masing-masing dengan menghasilkan produk baharu yang boleh digunakan bagi kegunaan di pejabat.

Pada pertandingan ini, Zon Opal telah memenangi tempat pertama dengan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM400 dengan berjaya mereka cipta sebuah troli manakala tempat kedua pula dimenangi oleh Zon Nilam dan tempat ketiga dimenangi oleh Zon Topaz.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Tuan YDP semasa Majlis Perasmian Gotong-Royong Perdana EKSA MPS 2020 pada 3 Julai 2020 di Dewan Keraian, Menara MPS. Turut hadir sama ialah fasilitator, ketua-ketua zon dan jawatankuasa induk EKSA. Pada majlis tersebut juga, telah diadakan acara penyerahan Pelekat Penjarakan Sosial kepada 9 zon EKSA MPS.



### BENGKEL PENGENALAN KIK 14 KUMPULAN KIK MPS BERSEDIA CETUS INOVASI



BERTEMPAT di Dewan Keraian, Menara MPS, sebanyak 14 kumpulan KIK MPS telah menyertai bengkel pengenalan sebagai persediaan menghadapi Konvensyen Dalaman Peringkat MPS yang bakal dilaksanakan pada bulan Februari tahun hadapan. Bengkel yang diadakan pada dua sesi ini iaitu 5 hingga 6 Ogos 2020 dan 17 hingga 18 Ogos 2020 telah dikendalikan oleh Tuan Haji Mohd Hussaini bin Morid, perunding daripada QKM Consults Sdn Bhd.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberikan bimbingan dan panduan kepada setiap kumpulan KIK MPS dalam mencetuskan idea projek inovasi masing-masing. Para peserta juga dapat mempelajari teknik pemilihan dan persempahanan projek KIK berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan sekaligus ianya berpotensi untuk dikembangkan pada masa akan datang.

### AUDIT DALAM EKSA BILANGAN 1 TAHUN 2020

PASUKAN Audit Dalam EKSA yang diketuai oleh Puan Norhayati binti Ahmad bersama-sama 15 orang juruaudit telah menjalankan penilaian terhadap tahap pelaksanaan dan pematuhan Zon EKSA di MPS. Pelaksanaan Audit Dalam ini telah berlangsung pada 10 hingga 14 Ogos 2020 di semua Zon EKSA MPS.

Objektif pelaksanaan audit ini adalah untuk melihat tahap kesediaan setiap zon dalam melaksanakan EKSA secara keseluruhan dan sistematis berdasarkan kepada beberapa komponen audit kriteria pelaksanaan EKSA yang telah ditetapkan. Sebanyak 9 zon telah dilawat periksa bagi menilai tahap pelaksanaan amalan EKSA. Pada sesi pengauditan kali ini, Zon Nilam telah mendapat markah tertinggi iaitu sebanyak 98.14%.



PELAN STRATEGIK MPS 2021-2025

## **FOKUS PENGGUBALAN DASAR PENGUAT-KUASAAN DAN TINGKATKAN MUTU PEN-YAMPAIAN**

**SEBAGAI** persediaan MPS dalam membuat perancangan pelan strategik bagi tempoh lima tahun akan datang, satu Taklimat Bengkel Pembangunan Pelan Strategik MPS 2021-2025 telah diadakan di Dewan Keraian, Menara MPS pada 7 September 2020.

Dalam taklimat ini, Tuan YDP telah menyatakan amanat untuk melaksanakan langkah-langkah progresif dengan memfokuskan kepada penggubalan dasar dan penguatkuasaan dan memperkasakan strategi-strategi yang dapat melonjakkan paradigma sedia ada serta memodenisasikan mutu penyampaian perkhidmatan perbandaran yang terbaik kepada seluruh masyarakat Selayang. Turut hadir dalam taklimat ini ialah Penolong Setiausaha MPS, Ketua-Ketua WHIP Ahli Majlis MPS, Ahli-Ahli Majlis dan pengarah jabatan MPS.



TAKLIMAT PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KEPADA PARA PENIAGA

## **48 PENGELOLA PASAR DAN PENIAGA MPS DIWAJIBKAN PATUHI SOP**

**SATU** sesi taklimat Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pembukaan pasar pagi, pasar malam dan bazaria dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah diadakan pada 18 Jun 2020 di Dewan Keraian MPS. Taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada semua peniaga terhadap pematuhan SOP apabila dibenarkan beroperasi.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Pelesenan dan Timbalan Pengarah Jabatan Perlesenan kepada 46 orang pengelola pasar yang hadir. Turut serta dalam taklimat berkenaan adalah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan.



MAJLIS MENANDATANGANI KONTRAK MPS BERSAMA SUASA EFEKTIF (M) SDN BHD

## **MPS LANJUTKAN LIMA TAHUN TEMPOH PENGOPERASIAN TEMPAT KERETA BERSAMA SUASA EFEKTIF**

**SATU** kontrak perjanjian telah ditandatangani antara Majlis Perbandaran Selayang bersama Suasa Efektif (M) Sdn Bhd pada 6 Jun 2020 di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Melalui perjanjian ini, MPS telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pengoperasian tempat letak kereta selama lima tahun bermula 26 April 2019 sehingga 25 April 2024.

Majlis ini telah dihadiri Tuan YDP, Tuan Dr. Haji Zainuddin bin Othman, Ketua Pegawai Eksekutif, Suasa Efektif (M) Sdn Bhd dan Pengarah Perundungan MPS.



## **MPS TANDATANGANI KONTRAK PEMBERSIHAN AWAM BERSAMA KDEB WASTE MANAGEMENT**

**MPS** telah memeterai kontrak perjanjian selama tempoh tujuh tahun bersama KDEB Waste Management Sdn Bhd dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Kontrak Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS pada 17 Julai 2020. Perjanjian ini melibatkan kerja-kerja pembersihan longkang, pemotongan rumput dan sapuan jalan di kawasan pentadbiran MPS.

Majlis ini telah dihadiri oleh Tuan YDP, Tuan TYDP, Tuan Haji Ramli Bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management, Ahli-Ahli Majlis, pengarah-pengarah jabatan, serta wakil pengurusan KDEB Waste Management.



## PROGRAM MENYANTUNI PENIAGA PASAR AWAM MPS

PADA 19 Jun 2020, MPS bersama Encik Mohd Suffian Ahmad Saifuddin, Pegawai Dasar EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi Negeri Selangor telah membuat tinjauan di pasar sekitar Selayang dan Gombak.

Semasa lawatan berkenaan, beliau telah menyantuni para peniaga serta meninjau infrastruktur dan kemudahan di pasar awam bagi mengenalpasti peluang pembangunan usahawan yang boleh diwujudkan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Turut serta dalam lawatan turun padang ini adalah Pengarah Jabatan Pelesenan, pegawai dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan dan Jabatan Koropat.



## PROGRAM TAKLIMAT TATACARA PEMBANGUNAN TANAH

ENAM puluh orang peserta yang terdiri daripada penghulu dan ketua-ketua kampung di kawasan MPS telah hadir ke Program Taklimat Tatacara Pembangunan Tanah di kawasan Pentadbiran MPS pada 12 Ogos 2020 di Le Gardens Pavilion, Bandar Gamuda Garden, Kuang.

Program yang merupakan anjuran bersama Pejabat Tanah dan Daerah Gombak (PTDG) ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada semua peserta program tentang keperluan aspek pembangunan semasa di kawasan MPS dan perincian berkaitan proses-proses permohonan, pelaksanaan akta-akta yang berkaitan dan dasar-dasar kawalan pembangunan yang digunakan di peringkat MPS.

Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPS, Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPS, Pengarah Jabatan Bangunan MPS dan wakil Pejabat Tanah dan Daerah Gombak bagi memberi kefahaman kepada para peserta mengenai senario pembangunan dan isu-isu pembangunan di kawasan pentadbiran MPS.



## PELANTIKAN AHLI MAJLIS ZON 18 MPS

PUAN Loo Voon May telah dilantik sebagai Ahli Majlis Zon 18 MPS bagi sesi 2020-2022 mengantikan Puan JC Jess Choy Pooi Yee. Atas lantikan tersebut, satu Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan telah diadakan pada 29 Julai 2020 di Bilik Mesyuarat Siantan, Bangunan Lama MPS di hadapan Tuan YDP.



## SESI PENYERAHAN SIJIL PENYERTAAN BAGI PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK NEGERI SELANGOR 2020 KUTIPAN 20 SEN CAJ BEG PLASTIK SALUR KE PROGRAM ALAM SEKITAR SELANGOR

**BAGI** menyokong usaha kerajaan negeri dalam melestarikan alam sekitar, pada 30 Jun 2020, MPS telah mengadakan Sesi Penyerahan Sijil Penyertaan bagi Program Kutipan Caj Beg Plastik Negeri Selangor Tahun 2020. Program ini merupakan kesinambungan untuk meneruskan konsep kutipan 20 sen bagi setiap unit plastik di

kaunter bayaran premis-premis perniagaan. Pasaraya yang terlibat dalam sesi penyerahan sijil ini ialah Pasaraya Aeon Co (M) Bhd, Parkson Corporation Sdn Bhd, Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, PHD Delivery Sdn Bhd dan 7 Eleven Malaysia Sdn Bhd. Jumlah kutipan beg plastik daripada kesemua premis ini akan digunakan bagi

kegunaan program-program berkaitan alam sekitar di negeri Selangor. Tuan YDP telah berkesempatan menyempurnakan majlis penyampaian tersebut. Turut hadir sama adalah Penolong Setiausaha MPS, Pengarah Jabatan Pelesenan dan pengarah-pengarah jabatan MPS.



## PELANCARAN BIL DIGITAL CUKAI TAKSIRAN 2021 TIADA LAGI BIL CUKAI TAKSIRAN SECARA POS MULAI 2021

**BAGI** memudahkan pemegang harta di pentadbiran MPS membuat pembayaran cukai taksiran, MPS telah memperkenalkan bil digital mulai tahun 2021. Melalui kaedah ini, tiada lagi bil cukai taksiran cetakan secara pos akan diberikan sebaliknya MPS kini ke arah pelestarian dan pendigitalan

dengan hanya memerlukan pemegang harta mengimbas kod QR di bil untuk membuat pengemaskinian maklumat bagi menerima bil secara digital.

Tuan YDP telah melancarkan Program Bil Digital Cukai Taksiran MPS pada 29 Julai

2020 di Bilik Mesyuarat Siantan, Bangunan Lama MPS. Bagi program ini, pemegang harta yang membuat pendaftaran awal bil digital MPS akan berpeluang menyertai cabutan bertuah yang bakal diadakan.



CERAMAH INTEGRITI BERSAMA AADK  
**"PENYALAHGUNAAN DADAH BARAH DALAM ORGANISASI"**

**UNIT** Integriti dengan kerjasama Unit Dasar, Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengadakan taklimat "Penyalahgunaan Dadah Barah Dalam Organisasi" anjuran Seksyen Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus pada 21 Ogos 2020 di Dewan Keraian, Tingkat 8, Menara MPS dengan melibatkan seramai 80 orang peserta yang terdiri daripada sasaran kumpulan B, C dan D setiap jabatan.

Program ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Gombak, Ketua Unit Rawatan dan Pemulihan iaitu Puan Shuraiya binti Mohamad Jamili



PROGRAM DERMA DARAH  
**115 ORANG PENDERMA DARAH BANTU PUSAT DARAH NEGARA**

**PROGRAM** Derma Darah anjuran Jabatan Pengawal Kelembagaan dan Keselamatan MPS bersama ANULAE Cawangan MPS dan Pusat Darah Negara telah diadakan pada 23 Julai 2020 bertempat di Lobi Bangunan Lama MPS. Seramai 115 orang kakitangan MPS telah berpeluang menderma darah bagi membantu pembekalan darah untuk tabung Pusat Darah Negara.

23 Julai 2020 bertempat di Lobi Bangunan Lama MPS.



CERAMAH AGAMA  
**PENGISIAN ROHANI KAKITANGAN MPS**

**KELAB** Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS telah menganjurkan Majlis Ceramah Agama khusus untuk kakitangan beragama Islam pada hari Jumaat, 7 Ogos 2020 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis Ceramah Agama yang bertajuk 'Lidah Neraka' itu telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Haslin Baharim atau lebih dikenali sebagai 'Ustaz Bollywood'.

Turut hadir sama ke majlis ceramah ini adalah Tuan YDP, Penolong Setiausaha MPS, Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Yang Dipertua KSDK MPS serta kakitangan MPS. Dalam majlis ini juga turut diadakan penyampaian cenderahati penghargaan kepada 14 orang peserta Program Quran Times anjuran KSDK MPS yang telah diadakan secara dalam talian menerusi laman Facebook MPS pada bulan Ramadan yang lalu



## MAJLIS PELANCARAN PENGGUNAAN KAMERA BADAN ANGGOTA PENGUATKUASA MPS KAMERA BADAN BANTU ANGGOTA PENGUATKUASA JALANKAN TUGAS

**BAGI** meningkatkan integriti, kecekapan dan ketelusan pihak berkuasa MPS sewaktu melaksanakan tugas penguatkuasaan, Majlis Pelancaran Penggunaan Kamera Badan untuk Anggota Penguatkuasa dan Keselamatan MPS telah diadakan pada 28 Ogos 2020. Penggunaan kamera badan

ini bertujuan untuk meningkatkan integriti, kecekapan dan ketelusan pihak berkuasa MPS apabila berurusan dengan orang ramai termasuk ketika menjalankan operasi atau serbuan.

Pada majlis pelancaran ini, satu tayangan

video penggunaan kamera badan telah dipertontonkan dan diikuti dengan acara pemasangan kamera badan kepada ketua-ketua zon Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan oleh Tuan YDP, Penolong Setiausaha MPS dan Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ketua WHIP Ahli Majlis MPS.



## PELESTARIAN TASIK TEMPLER BERSAMA SETIA ECO

**SETIA** Eco telah memilih Tasik Templer sebagai lokasi menjalankan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi aktiviti membersihkan tasik daripada sampah-sarap dan bunga teratai yang tumbuh meliar di dalam tasik berkenaan.

Program yang telah diadakan pada 24 Ogos

2020 ini telah dirasmikan oleh Tuan YDP . Turut serta dalam program ini adalah Yang Berhormat Tuan Mohd Sany bin Hamzan, ADUN Taman Templer, Puan Dianne Chan, Pengurus Besar Setia Eco Templer Sdn Bhd, Ahli Majlis Zon 11 MPS, Ahli Majlis Zon 3 MPS dan Pengarah Jabatan Landskap MPS bagi aktiviti melepaskan ikan di tasik.

Selepas selesai majlis perasmian ini, pihak Setia Eco telah membawa semua tetamu kehormat meninjau Galeri Setia Eco dan kawasan perumahan Setia Eco yang moden dan mewah serta melihat sendiri keindahan landskap di kawasan tersebut.



## OPERASI

### LORI TERBABAS CUBAAN LARI DARI PENGUATKUASAAN

**SEBUAH** lori nyaris terbalik setelah terbabas di bahu jalan akibat cuba mengelak ditahan penguatkuasa MPS dalam satu operasi di kawasan hotspot pembuangan sampah haram Kampung Sungai Pusu pada 1 Jun 2020.

Pada kejadian tersebut, tiga pemilik lori termasuk sebuah lori yang ditahan di Ulu Yam telah dikenakan kompaun sebanyak RM1,000 serta sitaan ke atas lori terbabit. Maklumat kesemua pemandu lori telah diambil berdasarkan Akta UUK 21 (sitaan) dan Seksyen 4 (Kompaun) dibawah Undang-Undang Kecil (UUK) Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah MPS (2007). Satu laporan polis telah dibuat untuk memastikan individu atau syarikat yang terbabit dengan aktiviti pembuangan sampah haram dapat dikenakan tindakan selanjutnya di bawah peruntukan undang-undang sedia ada.



### 5 KEDAI WARGA ASING DI GOMBAK DISITA DAN BAKAL DIROBOH

**SEBANYAK** lima kedai runcit milik warga asing telah dikenakan tindakan tutup dan sita berikutan beroperasi tanpa lesen perniagaan yang sah pada 6 Ogos yang lalu. Hasil daripada pemantauan dan pemeriksaan, didapati kelima-lima peniaga warga asing berketurunan Aceh ini telah mendirikan premis perniagaan mereka secara haram tanpa kebenaran di sekitar Gombak.

Kesemua tindakan dibuat dibawah Seksyen 3 Undang-Undang Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPS) 2007. MPS juga akan mengambil tindakan seterusnya untuk meroboh premis terlibat yang dibina tanpa kebenaran selaras dengan Seksyen 46(1)(a) dan Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Operasi ini telah melibatkan seramai 30 orang anggota penguatkuasa MPS dan dua buah jentera.



### PENIAGA DEGIL, KHEMAH DISITA

**SATU** operasi perobohan khemah dan sitaan ke atas peniaga bengkel kenderaan di Jalan SBC 3, Taman Sri Batu Caves telah dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa dan keselamatan MPS pada 10 Ogos 2020. Perobohan ini dibuat selepas pihak MPS mendapati peniaga telah mendirikan khemah perniagaan di kawasan parkir kereta sehingga menimbulkan kacau ganggu kepada orang ramai.

MPS telah mengeluarkan satu notis halangan di bawah Seksyen 46(1)(a) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kepada pemilik khemah bagi mengalihkan sendiri halangan tersebut pada 30 Julai 2020 namun peniaga gagal untuk berbuat demikian dalam tempoh yang diberikan.



## MPS DAN PDRM SITA PREMIS JUALAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK SELUDUP

MPS bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak telah menjalankan operasi bersepada di sekitar Gombak, Selayang, Rawang, Kundang dan Bandar Tasik Puteri pada 19 Ogos 2020. Sebanyak 610 botol telah disita ke atas 3 premis perniagaan dan 13 kompaun dikeluarkan di bawah Seksyen 3(1) Establismen Makanan 2007 kepada pemilik premis yang tidak mempunyai lesen perniagaan. Hasil pemeriksaan didapati, premis berkenaan juga tidak mempunyai lesen eksais daripada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

Sebanyak 1,955 kotak rokok seludup pelbagai jenama turut disita oleh PDRM dan seramai 23 orang warga asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah telah ditangkap.



## OPERASI SITAAN PALANG PENGHADANG DI TAMAN PERUMAHAN

MPS telah melaksanakan operasi sitaan palang penghadang pada 27 Ogos 2020 di dua lokasi iaitu di Taman Samudera Utara dan di Taman Wangsa Permai. Tindakan sitaan dijalankan selepas mendapat penyediaan palang penghadang berkenaan tidak mematuhi skim komuniti berpengawal dan berpagar. Operasi ini diketuai oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dibantu oleh Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Kejuruteraan.

Kedua-dua operasi ini telah diambil tindakan sitaan bagi kesalahan halangan di tempat awam mengikut Seksyen 46 1(a) Akta 133 atas kesalahan antaranya mempunyai palang penghadang yang telah dirantai dan dikunci sehingga menghalang laluan awam serta kelulusan skim komuniti berpengawal dan berpagar yang telah tamat tempoh.



## 9 KOMPAUN DIKENAKAN BAGI AKTIVITI PENYEMBELIHAN DI PASAR AWAM MPS

MPS telah menjalankan pemantauan aktiviti penyembelihan di dua buah pasar seliaan MPS iaitu di Pasar Moden Bandar Country Homes dan Pasar Moden Rawang pada 12 Jun 2020.

Dalam operasi ini, MPS telah memberikan 3 notis pematuhan kepada peniaga di Pasar

Country Homes dan 3 notis bagi Pasar Moden Rawang. Selain itu juga, 9 kompaun ke atas peniaga di pasar tersebut telah dikeluarkan di mana 3 kompaun penguatkuasaan alam sekitar adalah atas kesalahan effluent iaitu mengalirkan air sisa kelongkang dan 6 kompaun di bawah Seksyen 29(d), Undang-Undang Kecil Pasar bagi kesalahan halangan dengan

meletakkan barang-barang perniagaan di kaki lima. Operasi ini telah melibatkan anggota Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan.





# Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG

## 2019

**MAJLIS** Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2019 telah diadakan di Dewan Keraian, Menara MPS pada 22 Julai 2020. Pada tahun ini, seramai 87 orang kakitangan MPS telah menerima Anugerah APC di mana kesemua mereka menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan juga Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM1,000.

Tuan YDP telah merasmikan Majlis Penyampaian APC ini dan turut dihadiri oleh Tuan TYDP serta Ahli Majlis MPS.

Tuan YDP dalam ucapannya berharap kesemua penerima APC akan terus komited dan meningkatkan prestasi kerja masing-masing demi menaikkan lagi imej

dan kredibiliti MPS. Beliau juga meneru seluruh kakitangan agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh masyarakat di pentadbiran MPS.

Majlis yang diadakan semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) ini telah berlangsung mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara. Pada majlis ini, penyampaian anugerah dilangsungkan secara bersidang. Sebanyak enam sidang penyampaian diadakan melibatkan 20 orang penerima pada setiap sidang.

Majlis APC pada kali ini juga telah diserikan dengan tayangan video ucapan khas

daripada Yang Berhormat Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor yang menyampaikan ucapan tahniah kepada semua penerima anugerah.

Turut menerima anugerah ialah seramai 15 orang bakal pesara iaitu 10 orang pesara wajib dan lima orang pesara pilihan bagi Anugerah Jasamu Dikenang yang menerima sijil penghargaan beserta Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM500.







# Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG

---

2019

## *Senarai Penerima*

### KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL

- |                              |                         |
|------------------------------|-------------------------|
| 1. ZALINA BINTI AHMAD        | 4. SALIZAH BINTI SAMURI |
| 2. MOHAMMAD FAIZ BIN OMAR    | 5. ROZAIHAN BIN RAMLI   |
| 3. SR. ROSMALIZA BINTI OSMAN |                         |

### KUMPULAN SOKONGAN I (B)

- |                                      |                                      |
|--------------------------------------|--------------------------------------|
| 1. NOZIE AKMAAR BINTI MOHD           | 9. AZELAN BIN ABU SAMAH              |
| 2. MOHD HATTAMIZI BIN AHMAD TAJUDDIN | 10. SITI AISYAH BINTI BORHANNORDIN   |
| 3. MOHD RAMLI BIN MISNAN             | 11. NORFADILAH BINTI MUHAMADMANAWARY |
| 4. HAZMAN BIN SAJI                   | 12. MOHD AZHAR BIN HARON             |
| 5. NOVRISYAH PUTRA BIN SYAHRIL       | 13. NOR HAZWANI BINTI SANUSI         |
| 6. SITI MAISARAH BINTI AB RAHMAN     | 14. NURANISYAH BINTI MOHD KAMSANI    |
| 7. FAZRINA BINTI ASHAARI             | 15. MOHD KHAIZUL ADLAN BIN RAMLI     |
| 8. NURAIZA BINTI MAT KASIM           |                                      |

### KUMPULAN SOKONGAN I (C)

- |                                      |                                      |
|--------------------------------------|--------------------------------------|
| 1. NOOR HAHZALIZA BINTI MOHD SHARIFF | 21. AHMAD SHUKRI BIN ZAILAN          |
| 2. FARIS ADIL BIN OMAR SUDI          | 22. ROZAINI BIN SHAHID               |
| 3. SITI KHADIZAH BINTI TORMOJI       | 23. KATIRESAN A/L MUTHUSAMY          |
| 4. NURUL ASYIKIN BINTI ILHAM         | 24. NAZIB FETRI BIN ABDULLAH         |
| 5. ISMAISHAM BIN SUBOH @ ISMAIL      | 25. MOHD RAMLAN BIN ROSLI            |
| 6. AMIRAH BINTI ZULKIFLI             | 26. HAIROL AZMI BIN HJ SAPIA         |
| 7. MIO FADIL BIN MIO AZLAN           | 27. ROSLIZA BINTI MAZAWAM @ MUSA     |
| 8. MOHD ROZAIMI BIN OTHMAN           | 28. PARIMALA DEVI A/P ARUMUGAM       |
| 9. UMMI BAIDURI BINTI SAHIBUL YAMIN  | 29. MOHD AKMAL HAFIZ BIN RAJAB       |
| 10. NG SU HONG @ KALIAMAH            | 30. MOHD NAJIB BIN TAIRUDDIN         |
| 11. MOHD FIRDAUS BIN SANUSI          | 31. AHMAD ASRAF BIN ABU SAMAH        |
| 12. AZMIL BIN HJ HAMID               | 32. UNI JANAITUL BINTI MAT JUNIT     |
| 13. ROSLINAWATI BINTI ISHAK          | 33. JAIMAH BINTI SAMAT               |
| 14. SHAFARIL BIN HASSAN              | 34. NURAKHMA BINTI MUKHTAR           |
| 15. ROZITA BINTI HARON               | 35. YUZNIEDA BINTI SHUKKRI           |
| 16. NUR SYAHIDAH BINTI JAAFAR        | 36. NOORBAIZURA BT. HJ. OSMAN        |
| 17. RASIDAH BINTI ZAINAL             | 37. NUR WAHIDAH BINTI MOHAMAD SALLEH |
| 18. SITI AZLINA BINTI ZAINOR         | 38. NURUL NADIA BINTI HUSNEY         |
| 19. RIDZUANUDDIN BIN GHAZALLY        | 39. NUR SYAFIQAH BINTI NOOR RIZAN    |
| 20. FARHANI BINTI BAHARUDDIN         |                                      |

### KUMPULAN SOKONGAN II (D)

- |                                     |                                   |
|-------------------------------------|-----------------------------------|
| 1. ZAMRI BIN SARJI                  | 15. NURUL IZZATI BINTI ZAINUDDIN  |
| 2. MUDZAHAR BIN AZIZ                | 16. AMIRUL HAKIM BIN ALIAS        |
| 3. MOHD RUZAINI BIN IDRIS           | 17. MOHD HAFIZ BIN JUARMAY        |
| 4. MOHD HILMI BIN AHMAD             | 18. HAIRUL HISHAM BIN HASSAN      |
| 5. ZAINOL ARIFFIN BIN MOHD TAHIR    | 19. MUHAMMAD HAZIZI BIN OMAR      |
| 6. MALAYAPPAN A/L MARIAPPAN         | 20. MD SAIFUL BIN MD. TAIB        |
| 7. SHAHIDAN BIN BASIR               | 21. MOHD ZELFI BIN HAMZAH         |
| 8. ROSZALIZA BINTI JALIL            | 22. AMIR HAFIZ BIN NOR ADZUAN     |
| 9. S. NAGARAJAH A/L SANJEEVI        | 23. MOHD SHAHRUL BIN SAFIE        |
| 10. AZAHAR BIN NORDIN               | 24. ROSLAN BIN IBRAHIM            |
| 11. OSMAN JAILANI BIN ADAM          | 25. KANNATHASAN A/L MANIKAM       |
| 12. ZULKIFLI BIN MAHARUDDIN         | 26. IDRIS BIN IBRAHIM             |
| 13. AHMAD SAMSUDDIN BIN ABD. RASHID | 27. MOHD ABD. HAKIM BIN MD. LAZIM |
| 14. RUZAINI BIN RAZALI              | 28. NOR AINI BINTI SULAIMAN       |



# HARI PENGUATKUASA KE -38

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

## TERIMA KASIH FRONTLINER MPS!

DALAM mengiktiraf peranan dan sumbangan anggota penguatkuasa semasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan undang-undang, mereka juga merupakan *frontliner* MPS yang sentiasa menjadi benteng pertahanan apabila berhadapan dengan risiko.

Oleh itu, pada setiap tahun, MPS akan meraikan sambutan Hari Penguatkuasa yang merupakan acara tahunan bagi menghargai sumbangan anggota penguatkuasa.

Sambutan kali ke-38 pada tahun ini telah diadakan pada 7 Julai 2020 di Dataran MPS dan telah dirasmikan oleh Tuan YDP. Turut hadir sama ialah Tuan TYDP, Ahli Majlis, pengarah jabatan dan kakitangan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS.

Majlis telah diserikan dengan acara nyanyian Lagu Negeri Selangor, Lagu Negaraku dan Lagu Korporat MPS dan acara pemeriksaan Kawalan Kehormatan oleh Tuan YDP. Ucapan aluan telah disampaikan oleh

Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh Tuan YDP.

Acara kemuncak adalah Penyampaian Anugerah Khas kepada anggota penguatkuasa MPS dan diakhiri dengan acara persembahan kawad formasi serta perarakkan kendaraan Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS.



Imbas kod QR ini untuk melihat lebih banyak gambar Sambutan Hari Penguatkuasa MPS 2020

## SAMBUTAN KIBAR JALUR GEMILANG KE-63

### KIBAR JALUR GEMILANG TANDA CINTAKAN NEGARA

**BERSEMPENA** Sambutan Hari Kebangsaan Ke-63, MPS telah mengadakan Program Sambutan Kibar Jalur Gemilang di Dataran MPS pada 17 Ogos 2020. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotik dan cintakan negara dalam kalangan warga MPS.

Pelancaran program ini telah disempurnakan oleh Tuan YDP dan disertai oleh Ahli-Ahli Majlis MPS, para pengarah dan kakitangan MPS.

Seperti kelaziman pada setiap tahun, acara penyerahan Jalur Gemilang kepada Ketua

WHIP Ahli Majlis telah diadakan dan disusuli dengan acara pemasangan Jalur Gemilang di kenderaan-kenderaan jabatan MPS. Majlis berakhir dengan nyanyian Lagu Jalur Gemilang dan laungan MERDEKA oleh Tuan YDP MPS.



## PROGRAM MALAM SAMBUTAN HARI MALAYSIA PERINGKAT PeBT

### YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR LANCARKAN GENERASI BIRU MUDA

**PADA** 16 September 2020, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor telah menyempurnakan Pelancaran Generasi Biru Muda semasa Program Malam Sambutan Hari Malaysia Peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPS. Majlis pelancaran ini telah berlangsung di Dewan Seri Siantan, Batu Caves dengan dihadiri oleh Yang Amat Dihormati Tan

Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Yang Berhormat Tuan Mohd Khairuddin bin Othman, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, Pegawai Daerah Gombak, Tuan YDP dan Encik Mohammad

Akmal Anaqi bin Ibrahim, Pengurus Induk PeBT MPS.

Pada majlis ini juga, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor turut menyampaikan sumbangan kepada Persatuan Veteren ATM Gombak, Negeri Selangor dan badan-badan NGO yang lain.



# KITALAH BARISAN HADAPAN

BERSAMA KITA PUTUSKAN RANTAIAN COVID-19



## KKM DAN PKD GOMBAK BANTU PENIAGA DAN FRONTLINER MPS JALANI SARINGAN COVID-19

SERAMAI 345 orang melibatkan penyewa dan pembantu dari Pasar Country Home, Pasar Batu Arang dan petugas barisan hadapan MPS telah menjalani saringan Covid-19 yang telah diadakan di Dewan

Komuniti MPS, Kundang pada 19 Mei 2020. Turut hadir sama memantau dan menjalani saringan berkenaan adalah Tuan YDP bersama pengarah-pengarah jabatan MPS. Proses saringan ini mendapat kerjasama

penuh daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pejabat Kesihatan Daerah Gombak (PKD) yang membantu dan memberi sokongan penuh kepada MPS untuk menjalankan saringan.



### KSDK MPS AGIH SUMBANGAN F&N KEPADA KAKITANGAN

F&N Beverages Marketing Sdn Bhd telah menyampaikan sumbangan makanan dan barang keperluan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) MPS. Sumbangan ini disampaikan oleh Penyelaras Acara Khas F&N Beverages dan diterima oleh Encik Mohd Zikry bin Zulkifle, Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan MPS. Sumbangan ini seterusnya diagihkan oleh KSDK kepada kakitangan MPS yang kurang berkemampuan dan terjejas akibat PKP.



### MPS TERIMA SUMBANGAN DARIPADA OVERSEA LIGHTING & ELECTRIC MALAYSIA & UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA (IIUM)



PADA 4 Jun 2020, MPS telah menerima sumbangan lampu sinar UV nyahkuman dan dua unit alat pemegang sanitizer daripada Oversea Lighting & Electric Malaysia Sdn Bhd. Sumbangan ini telah diterima oleh Tuan YDP.

Pada hari yang sama, sebanyak 50 sut dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang dihasilkan sendiri oleh para sukarelawan Universiti Islam Antarabangsa (IIUM) telah diserahkan kepada Timbalan Pengarah Jabatan Korporat. Sumbangan-sumbangan ini digunakan oleh petugas barisan hadapan dalam menangani penularan wabak Covid-19.

## PERODUA SERAH SUMBANGAN 3,000 UNIT PELINDUNG MUKA

**SEBANYAK** 3,000 unit pelindung muka (*face shield*) telah disumbangkan oleh PERODUA kepada petugas barisan hadapan MPS serta para peniaga di Pasar Moden Rawang, Pasar Moden Bandar Country Homes, Rawang dan penjaja di kawasan pentadbiran MPS.

Sumbangan telah disampaikan sendiri oleh Puan Sulasi binti Haji Mahadi, Timbalan Pengurus Besar Divisyen Komunikasi dan Penjenamaan Korporat PERODUA dan diterima oleh Pengarah Pelesenan MPS.



## MAJLIS PENYAMPAIAN MAJIKAN PRIHATIN MPS MPS PRIHATIN, RINGANKAN BEBAN KAKITANGAN



**ATAS** keprihatinan Majlis Perbandaran Selangor bersama pihak ANULAE Cawangan MPS dalam meringankan beban 96 orang kakitangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), satu majlis penyampaian sumbangan telah diadakan pada 13 Mei 2020 bertempat di Lobi Menara MPS.

Pada majlis tersebut, Tuan YDP telah menyampaikan sumbangan kepada 12 orang kakitangan MPS berupa barang keperluan dapur dan juga sumbangan wang tunai berjumlah RM100. Turut hadir sama ialah Penolong Setiausaha MPS dan Tuan Haji Jamaluddin bin Mat Dari, Pengurus ANULAE Cawangan MPS.

## MPS TERIMA SUMBANGAN 1,000 BOTOL CECAIR NYAHKUMAN

**MPS** telah menerima sumbangan 1,000 unit botol cecair nyahkuman daripada Filtex Marketing Sdn Bhd. Sumbangan ini merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat berkenaan dalam membantu petugas barisan hadapan menangani penularan wabak Covid-19. Sumbangan ini telah disampaikan oleh Encik Tay Chun Gee, Pengurus Korporat, Filtex Marketing Sdn Bhd dan diterima oleh Tuan YDP.



## PAID GOMBAK HARGAI KOMITMEN FRONTLINER MPS

**PEJABAT** Agama Islam Daerah (PAID) Gombak dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengadakan acara penyerahan sijil penghargaan dan sumbangan 550 pak makanan tengah hari kepada petugas barisan hadapan Covid-19 MPS.

Majlis yang telah diadakan pada 14 Julai 2020 di Lobi Bangunan Lama MPS ini adalah tanda penghargaan dan terima kasih atas pengorbanan dan komitmen yang telah diberikan oleh petugas barisan hadapan MPS bagi membendung wabak Covid-19 yang melanda negara.

Sumbangan makanan tengah hari ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohamed Tahir bin Abd Manap, Pegawai Tadbir Agama Daerah Gombak dan diterima oleh Tuan YDP.



# Lensa

## AHLI MAJLIS MPS



**ZON 2**  
YAD Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh



**ZON 7**  
Tuan Deveandran A/L Selvaraju



**ZON 10**  
Tuan Ahmad Zahiri Bin Zahid Sofian



**ZON 12**  
Tuan U Chin Ong

**ZON 13**  
Puan Tam Kar Lye



**ZON 15**  
Tuan Muhammad Najmi Bin Samsudin

**ZON 16**  
Tuan Saravanan A/L Muniandy



**ZON 18**  
Puan Loo Voon May

**ZON 21**  
Puan Zuraidah binti Abdul Majid







## MOHON LESEN & PERMIT PERNIAGAAN ANDA SECARA ONLINE SEKARANG!

Layari <https://elesen.mps.gov.my> untuk maklumat lanjut

# MUDAH & PANTAS! **eLESEN**

